

--

ARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA P
ARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS: 24 JUN 2010

CAWANGAN PE RUN DAN
GAIM PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN
NO. 10 HINGGA 60)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK

PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

TARIKH **:** **KHAMIS, 24 JUN 2010,10.00 PAGI**

DARIPADA : **Y.B TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)**

SOALAN[10] **:** **Y.B. Kubang Kerian** minta **MENTERI
LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha
Malaysia sebagai anggota terkenal
Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi
menggerakkan pertubuhan itu mengatasi
pelbagai sekatan ke atas Iran termasuk
sekatan penjualan gasolin kepada negara
umat Islam itu berikutan tindakannya
memajukan teknologi nuklear bagi tujuan
keamanan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang kerian diatas soalan yang telah dikemukakan. Kerajaan Malaysia baru-baru ini di Sesi Ke-37 Majlis Menteri-menteri Luar Negeri OIC di Dushanbe, Tajikistan pada 18-20 Mei 2010 telah menolak sekeras-kerasnya sekatan unilateral yang dikenakan ke atas negara anggota OIC termasuk Iran dan Malaysia menganggap sekatan unilateral tersebut adalah tidak sah. Persidangan tersebut telah meluluskan ketetapan supaya OIC menyediakan rangka tindakan bagi mengatasi isu ini dimana kumpulan pakar OIC akan bersidang pada tahun ini atau tahun hadapan bagi menyediakan draf tindakan yang wajar dilakukan oleh OIC.

2. Malaysia akan terus berdiri teguh bersama-sama negara-negara anggota OIC yang lain dalam menyatakan sokongan dan mencari jalan penyelesaian bagi menangani isu sekatan unilateral sebegini.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB DATO' SERI TENGKU AZLAN
IBNI ALMARHUM SULTAN ABU
BAKAR
(JERANTUT)**

**TARIKH 24.06.2010
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah kesan kepada kewujudan PLKN kepada generasi muda pada hari ini. Sejauh manakah kesedaran yang didapati oleh generasi muda untuk bakal menjadi seorang dewasa yang berguna kepada masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah diperkenalkan mulai tahun 2004 dan memasuki tahun ketujuh (7) perlaksanaannya. Berdasarkan kepada kajian persepsi pelatih setiap tahun, purata pencapaian dalam tempoh 6 tahun seperti berikut:

|

- (1) Semangat kesetiaan dan kecintaan kepada Negara melalui pendedahan kepada sejarah kemerdekaan, pembentukan kerajaan dan pemeliharaan kedaulatan Negara menunjukkan pencapaian 82.51%.**
- (2) Memupuk nilai-nilai murni melalui pembentukan karakter menunjukkan pencapaian 87.87%**
- (3) Mempertingkatkan semangat kesukarelaan melalui gotong-royong, lawatan ke rumah anak yatim dan rumah orang tua menunjukkan pencapaian 81.37%.**
- (4) Perpaduan kaum dan integrasi nasional melalui pendedahan kepada budaya, adat resam dan kepercayaan pelbagai agama menunjukkan pencapaian 86.19%.**

Setakat ini, masyarakat telah menunjukkan penerimaan positif terhadap program berkenaan. Ini dapat dinilai melalui peningkatan permohonan secara sukarela oleh remaja atau ibubapa untuk menyertai PLKN. Permohonan secara sukarela pada tahun 2010 ini telah meningkat sebanyak 20% berbanding dengan tahun 2009 iaitu sebanyak 1,987 permohonan berbanding 1,283 dalam tahun 2009.

Untuk makluman, program ini telah dapat melahirkan remaja yang berkeyakinan tinggi, berdikari serta mempunyai siasah diri yang tinggi. Ini dibuktikan melalui perakuan para pensyarah di pusat-pusat pengajian tinggi yang memaklumkan bekas pelatih PLKN menunjukkan keterampilan diri menyerlah berbanding remaja yang tidak mengikuti program ini. Bagi menilai semangat kesukarelaan, ianya dibuktikan dengan meningkatnya penyertaan bekas-bekas pelatih dalam pertubuhan sukarela seperti Pasukan Sukarela Angkatan Tentera Malaysia, Rakan COP Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

PERTANYAAN : LISAN

3

NO. SOALAN : 13
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARI PAD A DATUK CHUA SOON BUI
(TAWAU)

TARIKH 24 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU) Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai projek dan jumlah peruntukan yang diberi bagi setiap projek dalam kawasan Tawau P. 190 pada 2008, 2009 dan 2010. Apakah peratusan peruntukan pembangunan ini berbanding dengan jumlah yang diberi kepada Sabah.

JAWAPAN

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM835.02 juta** bagi melaksanakan **119 projek** pembangunan RMK-9 di Parlimen Tawau. Jumlah peruntukan pembangunan RMK-9 bagi Parlimen Tawau adalah **3.81%** daripada keseluruhan peruntukan RMK-9 negeri Sabah berjumlah **RM21.74 bilion**.

Pecahan senarai projek dan jumlah peruntukan yang diberi bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 bagi Parlimen Tawau adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
2008	59	191,014,605.84
2009	63	161,040,429.36
2010	60	99,966,049.12

Pelaksanaan projek-projek ini memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada **402,400** penduduk di daerah Tawau. Sebagai contoh sebanyak **38 buah sekolah** dibina dan dinaiktaraf memberi faedah kepada anggaran **6,990 pelajar** manakala pembinaan klinik kesihatan memberikan faedah kepada anggaran **16,000 penduduk** di kawasan setempat.

**PEMBE
RITAHU
AN**
DARI PAD A **PERTA** IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG)
NYAAN
DEWAN
PERTANYAAN **RAKYA**
TARIKH **27, JUN 2010 13**
MALAY
SOALAN NO **SIA** Ir. Haji Hamim Bin Samuri (Ledang) minta MENTERI
KEWANGAN

menyatakan adakah lebih baik Kerajaan mengenakan sekali cukai (semua jenis cukai yang dikenakan seperti perkhidmatan dan lain-lain) ke atas semua pemilik saham yang dipotong terus dari setiap dividen atau keuntungan yang terbit, tanpa perlu dinyatakan dalam Borang Perisytiharan Pendapatan Bercukai (Borang BE).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk mengenakan cukai melalui kaedah potongan terus atau apa yang dikenali sebagai cukai pegangan daripada setiap dividen pemilik saham. Dasar semasa adalah mengecualikan pendapatan dividen.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB. TUAN MAN IKAV AS AG
AM A/L SUNDARAM

KAWASAN KAPAR

TARIKH 24.6.2010 (KHAMIS)

NO. SOALAN : A0r»4

TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM TKAPAR
minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN**
INDUSTRI menyatakan apakah cadangan cfalam
Rancangan Malaysia Ke-10 serta Model Ekonomi Baru
untuk melatih usahawan-usahawan baru dari masyarakat
India dan Orang Asli Semenanjung Malaysia. Sekiranya
ada apakah langkah-langkah tersebut serta jumlah
peruntukan kewangan, jika tidak kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) bertariggungjawab daiam meaksanakan program latihan keusahawanan yang meliputi latihan pembudayaan, pengenalan, peningkatan dan jaringan keusahawanan. Selain itu, khidmat nasihat dan bimbingan juga diberikan kepada bakal usahawan serta usahawan sedia ada. Kesemua program-program yang dilaksanakan oleh INSKEN ini, penyertaannya adalah terbuka kepada semua kaum termasuklah masyarakat Orang Asii dan ianya dilaksanakan diseluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Mengenai pertanyaan YB. berkaitan dengan cadangan melatih usahawan-usahawan baru dari masyarakat India serta masyarakat Orang Asli di dalam RMK-10, ingin saya maklumkan bahawa Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) pernah meaksanakan latihan khusus kepada masyarakat India di negara ini.

Program yang dikhususkan untuk melatih masyarakat India ini bertujuan untuk memberikan pendedahan serta membudayakan semangat keusahawanan dikalangan masyarakat India. Program Keusahawanan ini dilaksanakan menerusi penganiuran seminar, bengkel serta kursus iangka pendek.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk menyelaraskan pelaksanaan program keusahawanan ini, INSKEN telah mengadakan keriasama dengan Yawasan Strategik Sosial (YSS) dimana pihak Yayasan Strategik Sosial bertindak sebagai agen pelaksana dan INSKEN sebagai badan yang memantau pelaksanaan program ini.

Di antara latihan yang telah dilaksanakan ialah Kursus Asas Perniagaan serta Seminar Keusahawanan. Program-program dilaksanakan bertujuan memberikan pendedahan asas mengenai bidang keusahawanan kepada masyarakat India.

Sepanjang tahun 2006 hingga 2007, sebanyak RM450,000 diperuntukkan dan dibelanjakan bagi melaksanakan

program keusahawanan kepada kaum India yang melibatkan seramai 4,050 orang. Bagi tahun 2010, INSKEN telah menerima peruntukan sebanyak RM400,000 daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk melaksanakan program keusahawanan kepada golongan belia India dan ia akan mula dilaksanakan pada bulan Julai nanti.

Bagi melaksanakan program keusahawanan di bawah RMK-10 (termasuk program latihan kepada masyarakat India), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengemukakan cadangan peruntukan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan.

NO. SOALAN : 15

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SALLEH BIN KALBI

TARIKH 24 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan sedar daerah Pantai Timur Sabah sering terdedah kepada ancaman pihak asing. Adakah Kerajaan bercadang menempatkan pasukan marin dan APMM di Lahad Datu bagi menjaga

keselamatan di kawasan tersebut serta menyediakan kemudahan tempat tinggal mereka dan membinajeti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

JAWAPAN

Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa melaksanakan rondaan dan penguatkuasaan di laut dengan kehadiran kapal-kapal dgn bot-bot APMM secara berterusan di kawasan perairan negara termasuk di perairan Sabah. Sehubungan itu, Kerajaan sememangnya bercadang untuk menempatkan APMM di Lahad Patu bagj menjaga keselamatan di kawasan tersebut. Untuk makluman, tempat bagi menempatkan APMM yang melibatkan pembinaan pejabat, jeti serta kuarters bagi APMM di Lahad Datu sedang dikenal pasti.

Sekian, terima kasif).

DARI PADA

DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU]

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

24.06.2010

SOALAN NO

16

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah hasil kutipan daripada duti eksais dan cukai ke atas tembakau dan rokok sejak tiga tahun yang lalu dan daripada hasil kutipan ini, berapakah yang dibelanjakan untuk pemulihan penghisap-penghisap rokok.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan duti import, duti eksais dan cukai jualan ke atas tembakau, curut dan rokok dari tahun 2006 hingga 2009 adalah sebanyak RM 11,059 juta. Dalam tempoh yang sama jumlah peruntukan yang disediakan untuk pemulihan penghisap-penghisap rokok melalui Kempen "Tak Nak Merokok" adalah sebanyak RM 16.3 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24 JUN 2010 (KHAMIS)
DARIPADA : Y.B. DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB
(LANGKAWI)

SOALAN

Y.B. DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB (LANGKAWI) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian di dalam menentukan bandar-bandar kita bersih dan indah serta memastikan pelupusan sampah sarap dijalankan dengan teratur; dan
- (b) adakah pihak Kementerian memantau 'Sewerage System' di Langkawi mengikut piawaian. Jika tidak, apakah tindakan susulan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyalurkan bantuan kewangan, kenderaan dan peralatan kepada PBT yang berkaitan untuk membantu mereka mengurus sisa pepejal dengan baik. Bagi negeri Kedah umpamanya, Kementerian pada tahun 2007 dan 2008 telah membekalkan 16 buah lori kompaktor dan sebuah kenderaan membersih pantai pada tahun 2010 yang semuanya dianggar bernilai RM 4.5 juta. Di samping itu, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan mengutip sisa pepejal dari isi rumah, penswastaan

interim oleh Syarikat E Idaman telah juga dilaksanakan di negeri Kedah. Bagi langkah jangka panjang, Kementerian juga akan menguatkuasa Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang bertujuan untuk menyeragam dan menyepadu pengurusan sisa pepejal supaya perkhidmatan yang efisien dan efektif dapat diberikan kepada masyarakat.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak memantau sistem pembentungan kerana ianya di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2010

No: 18

DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

[KUALA SELANGOR]

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 24.06.2010

SOALAN NO 18

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa ia bertanggungjawab mengekang persaingan sihat sekali gus mengamalkan 'oligopoly' dan berlawanan dengan Akta Persaingan, ketika menetapkan kontraktor panel tertentu sahaja yang berhak membida projek-projek Kementerian Kewangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mewujudkan Kontrak Pusat dan Kontrak Pusat Sistem Panel iaitu satu program di bawah dasar afirmatif yang bertindak sebagai platform untuk membangunkan usahawan pembuat Bumiputera. Untuk menjayakan Model Ekonomi Baru, YAB Perdana Menteri dalam temubual eksklusif oleh Bernama dalam bulan April 2010 telah mengumumkan bahawa dasar afirmatif tidak akan dihapuskan memandangkan kedudukan kaum Bumiputera masih tidak mencapai taraf ekonomi yang sepatutnya. Sehubungan itu, polisi afirmatif masih akan diteruskan dengan perlu menambah baik kelemahan dalam pelaksanaannya.

3. Syarikat yang disenaraikan dalam Kontrak Pusat Sistem Panel tidak terkecuali daripada Akta Persaingan kerana syarikat-syarikat tersebut masih perlu bersaing sesama mereka dari segi harga, kualiti barangan, kualiti perkhidmatan, inovasi dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat juga, syarikat yang disenaraikan di dalam Kontrak Pusat Sistem Panel merupakan syarikat yang telah digraduasi daripada Kontrak Pusat. Adalah menjadi hasrat Kerajaan selanjutnya agar Kontrak Pusat Sistem Panel ini dijadikan sebagai platform untuk meningkatkan bina upaya syarikat Bumiputera dan sebagai persiapan untuk bersaing di pasaran terbuka kelak.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, perolehan bagi bekalan yang di luar Kontrak Pusat atau Kontrak Pusat Sistem Panel diuruskan mengikut peraturan semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan	PERTANYAAN JAWABLISAN
Daripada	Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]
Tarikh	24 Jun 2010 (Khamis)
Soalan	[No. 19]

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan jumlah pengeluaran komoditi- komoditi utama Malaysia tahun lepas dan apakah polisi Malaysia dibanding pengeluar utama komoditi-komoditi tersebut. Apakah masalah yang dihadapi oleh sektor-sektor ini dan apakah langkah yang diambil untuk menyelesaikannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pengeluaran komoditi utama Malaysia pada tahun 2009 ialah:

	Sawit	26,474,901 metrik tan
ii.	Getah Asli	857,020 metrik tan
iii.	Kayu-Kayan	25,561,000 meter padu
iv.	Biji Koko Kering	18,152 metrik tan
v.	Lada	22,000 metrik tan
vi.	Daun Tembakau Di Awet	2,473,000 kilogram

Tuan Yang Dipertua,

Dasar komoditi memberi tumpuan untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti bagi mengoptimumkan penggunaan bahan mentah. Ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup pekebun kecil di samping mengukuhkan eksport dan industri hiliran produk-produk berasaskan komoditi.

Prinsip-prinsip utama dalam dasar komoditi ialah;

- i. Pembangunan sektor komoditi secara mampan;
- ii. Pengurusan kelpelbagaian untuk meningkatkan kekuatan dan memperluaskan pilihan;
- iii. Buangan Sifar (*Zero Waste*);
- iv. Peningkatan produktiviti melalui penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan serta inovasi; dan
- v. Pembangunan seimbang di sepanjang rangkaian nilai (*value chain*).

Isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor komoditi ialah:

Produktiviti yang rendah;

- i. Persaingan guna tanah;
- ii. Kebergantungan kepada buruh asing;
- v. Kekurangan bekalan bahan mentah terutamanya untuk sektor koko dan perkayuan; dan
- v. Tohmahan yang tidak berasas daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) luar negara yang memburuk-burukkan produk sawit dan kayu-kayan.

Langkah-langkah yang dilaksanakan Kerajaan bagi menangani isu-isu di sektor komoditi ialah:

- i. Menggalakkan penggunaan teknologi moden dan amalan pertanian baik (*good agricultural practices* - GAP) untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti tanaman;
- ii. Menggalakkan industri komoditi untuk mengaplikasikan mekanisasi ladang dan mengambil lebih ramai rakyat tempatan bekerja di sektor ini bagi mengatasi masalah pergantungan kepada tenaga buruh asing;
- iii. Membangun dan menggiatkan semula aktiviti industri hulu seperti pembukaan ladang-ladang hutan dan pemulihan semula industri getah dan koko bagi memastikan bekalan mentah yang mencukupi dan mengurangkan pergantungan industri kepada bahan mentah yang diimport; dan
- iv. Bagi menangani kempen-kempen negatif daripada NGO luar negara, Kerajaan menanganinya dengan cara memaklumkan tindakan yang dilaksanakan seperti penyertaan dalam *Roundtable for Sustainable Palm Oil* (RSPO), penubuhan *Tropical Peat Research Institute* (TROPI) dan menggalakkan *Good Agricultural Practices* (GAP).

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

**TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH

24 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah piawaian Radio Frequency Radiation (RFR) dan Electromagnetic Fields (EMF) yang kini digunakan di Malaysia, termasuk garis panduan World Health Organisation (WHO) dan Independent Commission for Non-Ionising Radiation Protection (ICNIRP) untuk memastikan semua peralatan pemancar dan base station syarikat-syarikat telekomunikasi selular adalah terkawal rapi menerusi piawaian antarabangsa yang berwibawa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) prihatin terhadap kekusaran masyarakat tentang kesan radiasi yang dihasilkan oleh Frekuensi Radio (*RF*) dan Medan Elektromagnetik (*EMF*) dalam penggunaan perhubungan telekomunikasi tanpa wayar.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak SKMM telah mengadakan seminar kesedaran serta kempen pendidikan di seluruh negara di mana pakar-pakar daripada Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Kesihatan

Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah dijemput untuk bersama-sama memberi pandangan ilmiah mereka dan penjelasan terhadap kesan radiasi.

Piawaian yang digunakan untuk Frekuensi Radio (*RF*) dan Medan Elektromagnetik (*EMF*) dari menara telekomunikasi adalah pada tahap yang dibenarkan kepada umum (*exposure limit for public*). Malaysia mengguna pakai piawaian yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Antarabangsa Perlindungan Sinaran Tak Mengion (*International Commission on Non-Ionising Radiation Protection, ICNIRP*) yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Di samping itu, Kementerian ini bersama SKMM telah mengambil beberapa langkah tambahan bagi memastikan semua peralatan pemancar dan *base station* syarikat-syarikat telekomunikasi selular adalah selamat. Antara langkah yang telah dibuat ialah:-

- i. Setiap permohonan pembinaan menara telekomunikasi akan dimestikan (mandatori) mengemukakan bacaan emisi radiasi secara simulasi;
- ii. Membangunkan pangkalan data di SKMM bagi menyenaraikan bacaan tahap emisi radiasi menara dan struktur sistem pemancar bagi tujuan pemantauan; dan
- iii. Menjalankan ujian terhadap menara dan struktur sistem pemancar berpandukan piawaian pendedahan

menggunakan peralatan pengujian yang dikalibrasi dari masa ke semasa.

Selain daripada itu, Kerajaan telah memperkenalkan **Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2002.**

Pada waktu tersebut, garis panduan ini telah diwujudkan secara bersama antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (KSTAS), Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (KTPK), Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK), Agensi Nuklear Malaysia (ANM) dan agensi-agensi serta NGO seperti Institut Jurutera Malaysia (IEM) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).

Meskipun penyebaran maklumat tidak tepat oleh pihak tertentu telah mengundang ketakutan dan kegusaran di kalangan rakyat, kajian dan pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian dan SKMM mendapati tiada pihak penyedia perkhidmatan yang telah melanggar had dedahan radiasi kepada umum bagi membolehkan tindakan diambil di bawah peruntukan sedia ada. Walau bagaimanapun, sekiranya ia berkaitan isu hasutan yang boleh mengganggu ketenteraman awam yang tertakluk di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Hasutan 1984, ia akan dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pada masa ini, masih belum ada sebarang tindakan yang bersabit dengan perkara ini.

PEMBER
TAHU
PERTAN
YAAN
DEWAN
RAKYAT

DARIPADA **MALAYSIA** TUAN ER TECK HWA (BAKRI)
PERTANYAAN LISA
TARIKH **24.06.2010**
SOALAN NO 21

Tuan Er Teck Hwa (Bakri) minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan GLC yang menghadapi kerugian sejak tahun 2005:

- (a) apakah tindakan Kerajaan ke atas Lembaga Pengarah GLC yang mengalami kerugian; dan
- (b) senaraikan bantuan kewangan Kerajaan yang dihulurkan kepada GLC yang mengalami kerugian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara prinsipnya berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik selaras dengan Buku Hijau (Meningkatkan Kecekapan Lembaga Pengarah) di bawah Program Transformasi GLC, sebarang tindakan terhadap syarikat tidak sewajarnya diambil oleh Kerajaan, sebaliknya perlu diambil oleh pemegang-pemegang saham syarikat itu sendiri.

2. Di antara tahun 2005 sehingga tahun 2009, tiga buah

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
GLC yang dimiliki oleh Khazanah Nasional Berhad di bawah syarikat

GLC terbesar tersenarai di bawah Program Transformasi GLC (Kumpulan G-20) telah mencatat kerugian.

3. Kerugian yang dicatat oleh syarikat GLC tersebut adalah disebabkan oleh persekitaran perniagaan mencabar yang mana konsisten dengan *trend* global seperti peningkatan harga minyak dunia serta pengurangan permintaan terhadap produk, di samping faktor luaran lain seperti penyusutan nilai pelaburan.

4. Faktor-faktor ini adalah di luar kawalan dan tidak wajar sekiranya Lembaga Pengarah GLC berkenaan diambil tindakan atas kerugian yang telah dicatatkan oleh syarikat masing-masing. Tambahan pula, rata-rata GLC-GLC tersebut kembali mencatatkan prestasi kewangan yang lebih baik pada tahun-tahun berikutnya.

5. Di samping itu, semua syarikat GLC tersebut tidak menerima sebarang *financial bailout* daripada Kerajaan. Sebaliknya sebarang bantuan kewangan adalah melalui insentif yang sedia ada berdasarkan garis panduan dan polisi yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan industri yang berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

NO. AUM : 3

PERTANYAAN LISAN

NO. AUP : >*V

DARIPADA DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [
TANGGA BATU]

TARIKH 24JUN 2010

RUJUKAN 2749

SOALAN:

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah garis panduan kepada badan beruniform seperti polis bagi penggunaan senjata api serta nyatakan adakah pihak polis akan menggunakan senapang elektron atau senjata rencatan elektrik bagi meminimakan risiko kehilangan nyawa dan mudah membuat keputusan ketika berhadapan situasi tertekan serta apakah dasar Kementerian mengenainya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tangga Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, anggota-anggota PDRM sentiasa diberi kefahaman dan latihan mengenai penggunaan senjata api ketika bertugas. Pengetahuan mengenai perkara tersebut didedahkan semasa latihan asas Inspektor dan Konstabel dan ianya sentiasa diulangi semasa pegawai atau anggota bertugas di kontinjen/formasi. Manakala, semasa di Pusat Latihan Polis, pelatih-pelatih didedahkan dengan pengetahuan mengenai tatacara melepaskan tembakan dan hak mempertahankan diri ketika bertugas sepertimana yang terkandung dalam Kanun Keseksaan serta Perintah Tetap KPN Bab D 222 (Penggunaan Senjata api oleh Pegawai Polis).

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam memastikan anggota-anggota PDRM sentiasa peka dan mengikuti segala arahan yang terkandung dalam Perintah Tetap KPN berkenaan SOP penggunaan senjata api, latihan-latihan amali yang merangkumi matapelajaran pengendalian pistol dan latihan amali lapang sasaran sentiasa dilakukan. Dalam kedua-dua latihan

amali ini,

anggota turut didedahkan dengan pengetahuan yang bukan sahaja merangkumi tentang pengendalian senjata api tetapi juga pengetahuan mengenai bila masanya untuk melepaskan tembakan. Selain daripada itu, pemeriksaan terhadap senjata yang digunakan juga sentiasa dilakukan bagi memastikan senjata dalam keadaan baik dan tidak rosak. Pemeriksaan ini sangat penting bagi memastikan penjenayah dapat ditangkap dan keselamatan anggota- anggota PDRM yang bertugas terjamin.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan penggunaan senapang elektron atau senjata renjatan elektrik pula, PDRM sememangnya telah membuat perolehan secara tender bagi *Electroshock Gun* (Taser) model Tasewr X26 sebanyak 210 pucuk di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9). Susulan daripada itu, PDRM telah membuat agihan kepada semua kontinjen, briged dan formasi di seluruh negara dan keutamaan diberikan kepada Jabatan Narkotik, pasukan kereta peronda MPV, Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), lapangan terbang antarabangsa dan mana-mana penugasan yang ditetapkan oleh Pegawai Pemerintah. Kursus-kursus intensif kepada anggota yang menggunakannya turut dilaksanakan secara berperingkat di semua kontinjen, briged dan formasi. Hanya anggota yang bertauliah sahaja dibenarkan untuk mengendalikan senjata ini

penggunaannya tertakluk kepada Akta Senjata 1960.

PERTANYAAN : Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
DARIPADA : menyatakan syarikat/agensi pengiklanan
yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk
TARIKH : menempahkan iklan dua muka surat penuh
di surat khabar Amerika Syarikat bernama
SOALAN^] : New York Times pada 18hb April 2010 dan
berapa dibayar kepada syarikat ini untuk
Nhb 3
BAGI JAWAB khidmat mereka dan juga surat khabar
tersebut untuk iklan itu.

LISAN

TUAN

SIVARASA A/L

K. RASIAH

[Subang]

24 JUN 2010

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuantan, ke atas soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya saya memohon supaya saya diizinkan menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Subang yang dijadualkan pada 24 Jun 2010, Yang Berhormat Lembah Pantai pada 30 Jun 2010, Yang Berhormat Kota Raja pada 7 Julai 2010 dan Yang Berhormat Tanah Merah pada 8 Julai 2010 oleh kerana soalan-soalan yang dikemukakan adalah serupa dengan soalan Yang Berhormat Kuantan pada hari ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri dan pihak Kerajaan tidak terlibat dalam penempahan iklan ucapan tahniah kepada YABhg Datin Sri Rosmah yang disiarkan dalam akhbar Amerika Syarikat, *The New York Times* pada 16 April 2010.

Kerajaan juga sedar terdapat pelbagai pihak yang membuat komen dan spekulasi terhadap iklan ucapan tahniah tersebut. Ini termasuk spekulasi kos penempahan iklan sepertimana yang dipaparkan dalam *The Nutgraph* pada 11 Mei 2010.

Saya juga ingin menegaskan bahawa pengiklanan tersebut adalah

tindakan pihak persendirian yang tidak melibatkan sebarang bayaran yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia.

Dalam hal ini, pihak Kerajaan tidak bertanggungjawab dalam memberi penjelasan terhadap sebarang tindakan yang dibuat oleh pihak persendirian, termasuk mengenai soalan bayaran pengiklanan, jika ada, terhadap iklan ucapan tahniah sepertimana yang disiarkan oleh *The New York Times* pada 16 April 2010.

NO. AUM : 16

NO. AUP : Q V

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA DATUK LISAN ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]

TARIKH 24 JUN 2010

RUJUKAN 2751

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan orang awam yang terlibat dalam operasi Ops Kena atau Kenal pada tahun 1995/1996 dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri serta kedudukan jawatan mereka selepas dibebaskan. Berapa banyak kad pengenalan yang dikeluarkan oleh pihak kakitangan JPN berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 16 orang kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kesemua kakitangan tersebut telah ditamatkan perkhidmatan dan hilang hak pencen serta bayaran persaraan berdasarkan Peraturan 38(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Jumlah kad pengenalan yang dikeluarkan oleh kakitangan tersebut tidak dapat ditentukan kerana tiada rekod yang dapat dikesan. Walau bagaimanapun, jumlah kad pengenalan yang telah dibatalkan adalah sebanyak 16,699 kad pengenalan.

SOALAN NO:

PERTANYAAN
DARIPADA

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

LISAN
**Y.B. TUAN HAJI
MATULIDI BIN**

TARIKH
SOALAN

**HAJI JUSOH [DUNGUN]
24 JUN 2010**

Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan nisbah bilangan pegawai professional dan kumpulan sokongan teknikal Jabatan Kerja raya (JKR) dengan bilangan projek Kerajaan yang dilaksanakan di bawah pengawasan JKR dalam RMK-9. Adakah pegawai profesional dan kumpulan sokongan teknikal JKR yang terlibat mengawasi projek ditapak telah mematuhi keperluan untuk menghadiri kursus-kursus dan latihan teknikal yang minimum sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah merupakan agensi teknikal utama negara yang peranannya adalah sebagai perunding kepada Kerajaan dalam menyerahkan projek yang menepati kualiti, masa dan kos yang telah ditetapkan. Dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan, sehingga 31 Mei 2010, JKR telah menerima peruntukan berjumlah RM41.626 bilion bagi melaksanakan sebanyak 6,104 projek pembangunan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan 4,844 projek di bawah Projek Rangsangan Ekonomi (PRE) daripada pelbagai kementerian dan agensi pelanggan yang dianggarkan bernilai RM2.53 bilion. Ini menunjukkan JKR adalah agensi utama negara dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur negara.

Bagi memastikan pelaksanaan projek-projek tersebut berjalan dengan lancar, JKR dianggotai dengan seramai 2,491 pegawai Pengurusan dan Profesional dan 7,789 pegawai kumpulan Sokongan Teknikal. Pegawai-pegawai ini telah ditempatkan di Ibu Pejabat dan negeri-negeri di seluruh negara. Secara ideal, satu pasukan yang terdiri daripada seorang pegawai Pengurusan & Profesional dan 2 orang pegawai kumpulan Sokongan Teknikal mampu melaksana 4 projek yang tidak melebihi nilai RM10 juta. Manakala bagi projek-projek yang lebih besar, bilangan pegawai yang lebih ramai dalam pasukan projek diperlukan mengikut kesesuaian dan kompleksiti sesebuah projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun bilangan pegawai dan bilangan projek yang dilaksana adalah tidak seimbang, pihak JKR sentiasa komited bagi memastikan projek yang diserahkan adalah menepati kualiti, masa dan kos yang telah ditetapkan. Perkara ini dapat diatasi dengan meningkatkan tahap kompetensi pegawai dan kakitangan yang terbabit. Pegawai-pegawai yang bertanggung jawab dalam mengawasi projek-projek di tapak bina wajib menghadiri kursus-kursus dan latihan teknikal yang minimum meliputi bidang kepakaran reka bentuk, pengurusan projek dan pengurusan aset. Pada masa yang sama, silibus kursus dan latihan teknikal tersebut sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa selaras dengan kemajuan teknologi dan maklumat.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **YB TUAN HAJI CHE UDA BIN**
 CHE NIK

 (SIK)

TARIKH **24.6.2010**

SOALAN **26**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan mengapa dalam pilihan raya kecil kerajaan begitu prihatin menyelesaikan masalah rakyat, janji pilihan raya kecil segera dipenuhi. Bila lagi Kerajaan akan memenuhi janji PRU-12 (Parlimen Sik) Mac 2008 untuk membina jalan raya Persekutuan dari Teloi Timur ke Padang Tui, Batu 5 yang amat diperlukan oleh penduduk yang terlibat.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima cadangan pelaksanaan pembinaan jalan dari Teloi Timur ke Padang Tui, Batu 5 oleh pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Kedah untuk dilaksanakan di bawah RMK-10. Pembinaan jalan ini akan dibuat secara 2 fasa iaitu:

Fasa I: Membina Jalan Kampung Merbau Kudung / Felda Teloi Timu, Sik sepanjang 3.9 km dengan anggaran kos berjumlah **RM14,070,000.00**.

Fasall: Membina Jalan Kampung Merbau Kudung / Felda Teloi Timur, Sik sepanjang 8.5 km dengan anggaran kos berjumlah **RM32,100,000.00**.

Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek, Kementerian mencadangkan supaya kerja-kerja awalan seperti penyediaan rekabentuk, dokumen tender dan pengambilan balik tanah dimulakan pada tahun 2012 dan pembinaan dimulakan pada tahun 2013.

**PEMBERITAH
UAN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT,
MALAYSIA**

SOALAN NO.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B DATO' HJ. ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]

24 JUN 2010 (KHAMIS)

TARIKH

SOALAN

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berikutan sekatan Kerajaan tidak membuka permohonan baru mendapatkan Lesen Kontraktor Kelas F, sedikit sebanyak menjejaskan harapan di kalangan belia untuk bergiat dalam pembangunan negara di sektor kontraktor. Hingga kini berapakah jumlah sebenar kontraktor kelas F yang masih cergas dan apakah Kerajaan melalui Kementerian bercadang membuka semula permohonan baru.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kontraktor Kelas F yang berdaftar sehingga 1 Jun 2010 adalah berjumlah 28,974 kontraktor. Daripada jumlah tersebut, seramai 23,402 (80%) adalah aktif. Kerajaan telah membekukan pendaftaran baru kontraktor Kelas F pada 30 Mac 2005 bertujuan untuk mengurangkan bilangan kontraktor kelas F yang terlalu ramai jika dibandingkan dengan jumlah kerja yang ditawarkan setiap tahun. Buat masa ini, kerajaan sedang dalam membuat kajian yang terperinci sama ada hendak membuka semula atau sebaliknya pendaftaran baru kontraktor kelas F. Kajian ini mengambil kira langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk membangunkan kelas F sejajar dengan hasrat kerajaan mewujudkan dan memperkasakan kontraktor Bumiputera yang berkualiti dan berdaya saing selaras dengan matlamat Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) menjelang 2020.

NO SOALAN : 28
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN	Y.B DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT)
: DARIPADA	
TARIKH LISAN	24.06.2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kerajaan akan menuntut kembali wang komisyen yang dibayar oleh syarikat Perancis dalam pembelian kapal selam Scorpene sebagaimana yang berjaya dilakukan oleh Kementerian Pertahanan Taiwan dalam kes yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan dakwaan tersebut, Kementerian Pertahanan ingin menegaskan bahawa tiada pembayaran komisyen dibuat kepada mana-mana pihak dalam

perolehan kapal selam Scorpene. Kerajaan membuat bayaran mengikut

kontrak kepada kontraktor iaitu, DCNS, Perancis dan Navantia, Sepanyol untuk pembinaan kapal selam, manakala Syarikat Perimekar Sdn Bhd untuk perkhidmatan koordinasi Tim Projek dan krew kapal selam.

NO. AUM : 8

NO.AUP

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]

TARIKH 24 JUN 2010

RUJUKAN 2750

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) _____ keber
kesan tindakan pihak Kementerian dalam menangani dan membentaras

jenayah di negara ini melalui penglibatan masyarakat umum; dan

(b) tindakan yang diambil bagi mengatasi kes jenayah seperti pecah rumah di kawasan Parlimen Putatan dan kawasan sekitarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kerajaan sedar untuk mengurangkan jenayah ia memerlukan penglibatan masyarakat umum. Di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah, pelbagai inisiatif yang dapat mempertingkatkan kerjasama dan hubungan erat antara pihak penguatkuasa, khususnya PDRM dilaksanakan. Diantara inisiatif tersebut ialah, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dibawah Rukun Tetangga, Rakan Cop, “High Profile Policing” dan “Stop and Talk”. Untuk tujuan yang sama kemudahan seperti Pondok Bit , Pondok Polis Komuniti dan Balai Polis Bergerak disediakan.

Melalui inisiatif “High Profile Policing” pegawai-pegawai kanan polis disemua peringkat, negeri dan daerah akan *turun padang* secara berkala bertemu dengan orang ramai. “Stop and Talk” pula menghendaki semua anggota polis yang menjalankan tugas-tugas rondaan, samada berjalan kaki, bermotosikal maupun kereta (MPV) supaya berhenti untuk bertemu dengan orang ramai, mengikut kesesuaian masa dan tempat untuk mendapatkan maklumbalas serta mengetahui masalah mereka khususnya yang berkaitan hal-hal kepolisan dan jenayah.

Hasil daripada inisiatif-inisiatif yang dijalankan, kadar Jenayah Indeks

telah berjaya diturunkan sebanyak 15.4%, dan Jenayah Jalanan sebanyak 38.7% bagi tempoh Januari hingga April tahun 2010, dibandingkan tempoh yang sama tahun 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengatasi jenayah indeks pelbagai inisiatif dilakukan. Khusus bagi jenayah pecah rumah PDRM telah melancarkan Operasi Pintu bagi tempoh 1.3.2010 hingga 31.3.2010. Ops Lejang khusus untuk curi motorsikal pula telah diadakan pada 1.1.2010 hingga 31.1.2010 dan 1.4.2010 hingga 30.4.2010. Ops Rentap pula ditumpukan kepada kejadian jenayah ragut pada 1.2.2010 hingga 28.2.2010. Operasi-operasi ini melibatkan semua kawasan di seluruh Malaysia, termasuklah di kawasan Putatan. Dimasa yang sama setiap Ibu Pejabat Polis Daerah dan Balai Polis telah menjalankan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan jenayah berdasarkan kepada keutamaan dikawasan berkaitan.

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (PKR)
(AMPANG)

TARIKH 24 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (PKR) (Ampang) minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja negara bagi mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi.

JAWAPAN Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan wanita di negara ini, yang telah meningkat daripada sebelas persepuluh lima (11.5) juta orang pada tahun 2000 kepada empat belas persepuluh dua (14.2) juta orang pada pertengahan tahun 2010, merupakan sumber utama dan penyumbang ekonomi negara yang berpotensi tinggi. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah merangka langkah strategik dengan memperkasakan kaum wanita bagi meningkatkan sumbangan ekonomi mereka kepada negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Perkara ini ditekankan dalam teras strategik ke-5 iaitu mewujudkan persekitaran kondusif ke arah mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat.

Justeru, usaha meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja negara bukan sahaja merupakan langkah bijak ke arah pelaburan ekonomi pintar, malah wanita mampu menjadi, dengan izin, '*transformational agent*' dalam usaha Kerajaan mencapai matlamat Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Dalam hal ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja negara. Antaranya:

1. menarik lebih ramai golongan, dengan izin, '*latent workforce*' seperti ibu tunggal dan suri rumah untuk menceburi pasaran pekerjaan dengan menggubal Peraturan Kerja Separa Masa (*Part Time Regulations*)]

2. memudahkan proses pencarian peluang pekerjaan dan permohonan pekerjaan yang bersesuaian melalui portal JobsMalaysia. Golongan wanita yang tidak bekerja dan berminat untuk mencari pekerjaan boleh mendaftar secara *online* dalam portal berkenaan dan mereka akan dipadankan dengan pekerjaan yang sesuai;
3. meneruskan program bekerja dari rumah seperti, dengan izin, '*homeworking*' dan '*teleworking*' bagi membantu golongan wanita mendapatkan pekerjaan. Sehingga Mac 2010, seramai dua ribu empat ratus lima puluh lapan (2,458) orang wanita telah mendapat pekerjaan dengan satu ratus tiga puluh sembilan (139) syarikat melalui kaedah ini; dan
4. menggalakkan pewujudan pusat penjagaan anak di tempat kerja. Penubuhan pusat-pusat penjagaan ini dapat membantu wanita yang bekerja mengatasi masalah penjagaan anak. Langkah ini dapat mengelakkan wanita daripada berhenti kerja untuk menumpukan perhatian kepada keluarga. Kerajaan juga memberikan geran pelancaran kepada majikan sektor awam untuk menubuhkan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) di tempat kerja dan subsidi yuran pengasuhan TASKA kepada penjawat awam yang layak. Geran pelancaran untuk menggalakkan penubuhan TASKA komuniti juga disediakan oleh Kerajaan di samping pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA kepada keluarga yang layak.

Selain itu, sebagai insentif kepada majikan di sektor swasta untuk menubuhkan TASKA, pengecualian cukai sepuluh (10) peratus diberikan ke atas kos

keseluruhan pembinaan bangunan taska bagi tempoh 10 tahun.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan juga telah memberi fokus untuk mewujudkan lebih ramai usahawan wanita supaya mereka dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam pembangunan ekonomi negara. Sehubungan itu, golongan wanita khususnya graduan wanita yang muda telah digalakkan untuk memulakan perniagaan sendiri. Pelbagai insentif dan bantuan diberikan oleh agensi-agensi kerajaan bagi menggalakkan wanita menceburi perniagaan. Antaranya ialah Skim Pembangunan Francais Wanita (di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan) yang memberi bantuan pembiayaan sehingga Ringgit Malaysia: Lima Ratus Ribu (RM500.000) dan Skim Bantuan Khas Untuk Usahawan Wanita (di bawah SME Corp, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) yang memberikan pinjaman mudah sehingga Ringgit Malaysia: satu (RM1) juta bagi pembiayaan sesuatu perniagaan.

Bagi mewujudkan usahawan wanita di kalangan golongan berpendapatan rendah pula, KPWKM telah bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Sehingga April 2010, seramai satu ribu tujuh ratus lapan puluh sembilan (1,789) orang usahawan wanita telah berjaya dilahirkan sementara jumlah yang disasarkan sehingga akhir tahun 2012 ialah seramai empat ribu (4,000) orang.

NO. AUM : 36

NO.AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN	
DARIPADA	DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [BESUT]	
TARIKH	24 JUN	2010
RUJUKAN	2753	

SOALAN:

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kemasukan pelancong asing dari negara Indonesia, China, Afrika dan lain-lain yang banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti tidak sihat di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengalu-alukan kedatangan warganegara asing berkunjung ke negara ini, memandangkan industri pelancongan merupakan industri penyumbang kedua terbesar kepada sektor ekonomi negara. Kemasukan dan keberadaan warganegara asing di Malaysia adalah tertakhluk kepada

undang-undang negara, seperti Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Walaupun kemasukan pelancong menjana ekonomi negara, Kerajaan sentiasa memantau dan memandang serius kehadiran warganegara asing yang boleh memberikan impak negatif menerusi aktiviti-aktiviti tidak sihat termasuk menyalahgunakan kemudahan visa pelancong tersebut untuk tujuan lain.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal penyalahgunaan kemudahan visa pelancong tersebut adalah:

- i) mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 20 Mei 2010 bersetuju untuk memansuhkan pelaksanaan kemudahan *Visa on Arrival* (VOA) mulai 1 Jun 2010 yang didapati ramai menyalahgunakan kemudahan tersebut;

memastikan bahawa pelawat-pelawat asing mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka di samping menasihatkan agar mempunyai

sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang berada di negara ini;

menyemak butiran pelancong yang memasuki negara ini melalui senarai Syak Imigresen (SL) di pintu masuk negara;

memperkemaskan Sistem Imigresen Malaysia (SIM) menerusi Peralihan SIM dan Pembangunan myIMMs termasuklah memperkemaskan senarai SL dari masa ke semasa; dan

bekerjasama dengan pihak negara lain seperti Australia dan United Kingdom yang menempatkan *liason officer* bagi memantau pelawat-pelawat berisiko tinggi di pintu-pintu masuk

udara. Kerajaan turut melaksanakan kerjasama antara agensi antarabangsa dalam memerangi jenayah rentas sempadan dan aktiviti pemerdagangan manusia.

SOALAN NO: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK MD. SIRAT BIN ABU
[BUKIT KATIL]
TARIKH 24 JUN 2010
SOALAN**

Datuk. Md Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa lamakah masa yang wajar diambil oleh seorang pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dari waktu mula mendaftar, berinteraksi dengan Doktor hinggalah mendapat ubat di hospital kerajaan dan poliklinik.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan telah menetapkan sasaran waktu menunggu di Jabatan Pesakit Luar dan poliklinik kerajaan, iaitu dalam masa 30 minit bermula dari masa pesakit mendapatkan nombor giliran hingga masa beliau masuk ke bilik konsultasi untuk pemeriksaan.

Pemantauan telah dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sejak tahun 2008 dan didapati 70 peratus Jabatan Pesakit Luar pada puratanya dapat mencapai sasaran tersebut. Pencapaian sasaran banyak bergantung kepada bilangan pesakit yang hadir di Jabatan Pesakit Luar atau poliklinik pada sesuatu hari dan bilangan doktor yang dapat bertugas di klinik pada hari berkenaan.

Masa bagi pengambilan ubat dipantau di semua fasiliti di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Masa dikira mulai pesakit menyerahkan preskripsi ke farmasi sehingga ubat dibekal kepada pesakit. Masa menunggu pesakit telah ditetapkan bagi proses ini adalah tidak melebihi 30 minit.

Masa menunggu bagi pengambilan ubat merupakan satu di antara KPI Menteri Kesihatan. Pada tahun 2009, sebanyak 92.91% fasiliti di bawah KKM berjaya membekal ubat dalam tempoh masa tidak melebihi 30 minit. Pencapaian ini telah meningkat dan pada bulan April 2010, sebanyak 86.8% preskripsi dapat dibekal dalam tempoh masa kurang daripada 20 minit dan secara keseluruhan 96.8% preskripsi telah dibekalkan dalam 30 minit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR
DARIPADA (KOTA TINGGI)

LISAN

PERTANYAAN **24.06.2010**

TARIKH **33**

SOALAN NO Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid Bin Syed Jaafar Albar (KOTA TINGGI) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan tarikh sebenar untuk melaksanakan GST memandangkan pengumuman telah dibuat untuk mengadakan Rang Undang-Undang Pencatutan yang akan dibentangkan bagi mengelakkan peniaga mencari keuntungan berlebihan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan belum lagi menetapkan tarikh sebenar untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) walaupun Rang Undang-Undang Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan telah diumumkan akan dibentangkan tidak lama lagi. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan hanyalah membentangkan Rang Undang-Undang GST untuk bacaan kali pertama manakala tarikh bacaan kali kedua dan ketiga belum ditetapkan lagi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 24.06.2010

SOALAN NO 34

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)

MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) model kontrak pembinaan projek Bakun yang dianugerahkan kepada Sime Darby melalui pegangannya dalam Sime Engineering. Adakah ia dibuat secara Turnkey'; dan
- (b) apakah kos lebihan yang ditanggung oleh Sime Darby.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklliman Yang Berhormat, model kontrak pembinaan Projek Empangan Hidroelektrik Bakun (Bakun) ialah kontrak *Turnkey* dan *Fixed Lump Sum*. Kontrak tersebut telah diberi kepada Malaysia China Hydro Joint Venture (MCHJV) iaitu sebuah konsortium di mana anak syarikat Sime Darby, Sime Engineering Sdn Bhd mempunyai kepentingan sebanyak 35.7%.

2. Sebarang kos lebih bagi projek Bakun ditanggung oleh setiap rakan kongsi dalam MCHJV yang terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam kontrak. Pihak Sime Darby pula telah memperuntukkan sebanyak RM580 juta bagi kerugian dari permulaan projek sehingga suku ketiga tahun kewangan 2010.

SOALAN NO. 35

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B DATUK TIONG THAI KING

[LANANG]

TARIKH

24 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kementerian akan menaik taraf jalan di Simpang Sibul ke Bintulu / Miri kepada "dual carriage way" memandangkan jalan ini sempit dan bengkok-bengkok sehingga menyebabkan berlakunya kemalangan sehingga melibatkan kematian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya mempunyai perancangan jangka panjang untuk menaiktaraf keseluruhan Jalan Persekutuan dari Kuching ke Miri dari laluan *single carriageway* ke taraf *dual carriageway*. Memandangkan kos projek adalah sangat besar dan jumlah trafik tinggi di beberapa lokasi tertentu, maka pelaksanaannya dibuat secara berperingkat mengikut keutamaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sahaja terdapat beberapa lokasi di sepanjang laluan ini telah siap dinaiktaraf ke *dual carriageway*. Contohnya, Jalan dari Kuching ke Serian, jalan dari persimpangan Julau ke Sibul, jalan dari Lapangan Terbang Bintulu ke Kidurong, dan Jalan dari Miri ke Kuala Baram. Jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Kerja Raya adalah sebanyak RM581.6 juta untuk menaiktaraf jalan-jalan tersebut kepada *dual carriageway* iaitu sepanjang 93.2 kilometer.

Seterusnya, didalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kementerian telah merancang untuk melaksanakan Naiktaraf KM. 18 - KM.30 Jalan Sibul - Bintulu bermula dari simpang Jalan Lapangan Terbang Sibul ke simpang Jalan Tangi. Walau bagaimanapun, senarai projek RMKe-10 masih sedang dalam peringkat pertimbangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kelulusan untuk melaksanakan projek ini tertakluk kepada faktor keutamaan projek dan kemampuan kewangan Kerajaan secara keseluruhan.

NO. SOALAN 36
PERTANYAAN - JAWABAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARIPADA : YB TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (DAP) (SEREMBAN)

TARIKH 24 JUN2010(KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan John A/L Fernandez (DAP) (Seremban) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- (a) Berapakah jumlah dan peratus warga emas di negara kita; dan
- (b) Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk memperuntukkan RM300 kepada setiap warga emas di negara ini setiap tahun sebagai elaun tahunan warga emas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Jumlah warga emas iaitu mereka yang berumur enam puluh (60) tahun dan ke atas pada tahun 2010 adalah seramai dua (2) juta orang atau tujuh persepuluh dua peratus (7.2%) daripada jumlah penduduk negara ini.
- b) Malaysia bukanlah sebuah negara kebajikan tetapi sebuah negara yang diterajui oleh sebuah Kerajaan yang prihatin terhadap kebajikan golongan yang memerlukan.

Pada masa ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan bulanan yang dikenali sebagai Bantuan Orang Tua (BOT) sebanyak Ringgit Malaysia: Tiga Ratus

(RM300) kepada warga emas yang layak menerima bantuan bagi memenuhi keperluan asas termasuk makanan, pakaian dan tempat tinggal bagi menentukan mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup serta terus tinggal dalam komuniti selama mungkin

Sehingga 31 Mei 2010, seramai satu ratus sembilan belas ribu enam ratus tiga puluh satu (119,631) warga emas di seluruh negara menerima Bantuan Orang Tua (BOT).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat belum bercadang untuk memperuntukkan bayaran Ringgit Malaysia: Tiga Ratus (RM300) kepada setiap warga emas di negara ini sebagai elaun tahunan warga emas. Cadangan ini sekiranya dilaksanakan akan melibatkan implikasi kewangan yang sangat besar kepada Kerajaan iaitu sebanyak Ringgit Malaysia: Enam Ratus (RM600) juta bagi tahun 2010.

No:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN DING KUONG HUNG

(SARIKEI)

TARIKH

24 JUN 2010

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan penyelesaian Kementerian untuk mengatasi masalah tiada bekalan air dan api di kawasan luar bandar seperti Sarikei walaupun sudah bertahun-tahun permohonan di buat ke jabatan berkenaan. Nyatakan juga jumlah peruntukan yang telah diberikan dan dilaksanakan dalam RMK-9 di Bahagian Sarikei.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RMKe9, sejumlah RM448.50 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek BALB di seluruh negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM411.60 juta diperuntukkan bagi Sistem Retikulasi dan naiktaraf/bina baru loji rawatan air dan RM36.90 juta bagi Sistem Alternatif. Pelaksanaan projek BALB adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan.

Bagi memastikan penduduk di Parlimen Sarikei tidak ketinggalan untuk mendapatkan bekalan air bersih yang sempurna, sebanyak 12 buah projek BALB dengan peruntukan sebanyak RM10.03 juta telah dilaksanakan di bawah

RMKe9. Manakala sebanyak RM10.06 juta telah diperuntukkan di bawah projek BALB NKRA bagi pelaksanaan 6 buah projek.

Mengenai Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sejumlah RM637.56 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek BELB Sarawak di bawah RMKe9.

Dari jumlah itu, sebanyak 4 buah projek BELB talian grid yang bernilai RM0.61 juta telah dan sedang dilaksanakan, melibatkan 31 buah rumah di Parlimen Sarikei. Kementerian ini juga dalam tempoh NKRA (2010-2012) turut merancang untuk melaksanakan 28 projek BELB Talian Grid bernilai RM7.50 juta yang dijangka akan memberi manfaat kepada 525 buah rumah di kawasan Parlimen Sarikei.

Untuk makluman Yang Berhormat, penyambungan bekalan air dan elektrik melalui program BALB dan BELB ke seluruh kawasan dan Bahagian Sarikei adalah bergantung kepada keupayaan loji air semasa dan keupayaan pembekalan elektrik oleh Pihak Berkuasa Elektrik Negeri.

NO. AUM : 29

NO. AUP :2i

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI
SIPUT]

TARIKH 24 JUN 2010

RUJUKAN 2752

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan insiden tembak menembak yang melibatkan anggota polis dalam tahun 2008 dan 2009. Untuk setiap insiden bilangan anggota polis yang tercedera, bilangan polis yang terbunuh dan juga bilangan orang lain yang tercedera dan terbunuh.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2008, seramai 82 orang penjenayah atau suspek ditembak mati oleh pihak polis diikuti 88 orang pada tahun 2009 kerana terlibat dalam pelbagai kes jenayah. Dalam kejadian tersebut, hanya seorang [1] anggota polis dilaporkan tercedera pada tahun 2009 dan tiada anggota polis yang terkorban sewaktu menjalankan operasi pada 2 tahun tersebut.

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA YB Datuk Bung Moktar bin Radin
DEWAN RAKYAT
(KINABATANGAN)

TARIKH

24 JUN 2010

SOALAN[39] :

YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN) minta **MENTERI LUAR**
NEGERI menyatakan tentang usaha konkrit serta kukuh Kerajaan dalam memastikan sempadan perairan negara tidak dicerobohi dengan tujuan penambah besaran kawasan jajahan seperti yang berlaku di Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan di atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan-tindakan yang wajar bagi memastikan kawasan

perairan negara tidak dicerobohi. Dalam masa yang sama, sukacita saya maklumkan bahawa berdasarkan kepada peruntukan undang-undang antarabangsa, sempadan maritim yang telah dipersetujui secara bersama di antara dua negara adalah bersifat kekal dan mengikat (*final and binding*). Ini bermaksud, sebarang tindakan sesebuah negara di dalam kawasan maritimnya tidak akan mengubah garis sempadan yang telah dipersetujui.

3. Di dalam memastikan bahawa kawasan perairan negara adalah selamat dan tidak dicerobohi, antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan adalah memastikan kawasan maritim negara sentiasa dipantau oleh agensi-agensi penguatkuasaan negara. Dalam hal ini, bagi memperkemaskan lagi aspek penguatkuasaan ini, Kerajaan telah menubuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di dalam tahun 2004 bagi memastikan aspek penguatkuasaan di kawasan maritim Malaysia terpeiihara sepenuhnya.

4. Dalam masa yang sama, usaha-usaha juga sentiasa dilaksanakan bagi mengukuhkan tuntutan Malaysia ke atas kawasan maritim yang belum mempunyai sempadan, terutamanya di kawasan tuntutan bertindih. Ini termasuklah menjalankan aktiviti-aktiviti bertujuan untuk menzahirkan kedaulatan negara di kawasan tersebut. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah rondaan oleh agensi-agensi penguatkuasaan, menjalankan aktiviti-aktiviti perekonomian, dan sebagainya. Sukacita saya ingin nyatakan di sini bahawa di dalam menangani isu tuntutan bertindih, Malaysia mengambil pendirian bahawa tuntutan bertindih kawasan maritim wajar diselesaikan melalui rundingan dua hala, dan rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau tribunal timbang tara (*arbitration*) adalah merupakan opsyen terakhir di dalam mencapai penyelesaian.

Disediakan oleh :
Azfar bin Mohamad Mustafar
Ketua Penolong Setiausaha
Jabatan Penyelidikan, Triti dan Perundangan
Antarabangsa

Diluluskan oleh :
Dato' Noor Farida Ariffin Ketua Pengarah
Jabatan Penyelidikan, Triti dan Perundangan
Antarabangsa

DARIPADA	TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU)
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	24.06.2010
SOALAN NO	40

Tuan Chua Tian Chang (Batu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) semua jenis pinjaman PETRONAS dan bunga serta tempoh pinjaman; dan
- (b) siapakah agen tunggal bagi petrol PETRONAS dan tempoh masa diberikan serta syarat-syarat dalam perjanjian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah jenis-jenis pinjaman PETRONAS berserta kadar pembiayaan dan tempoh pinjaman:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Pinjaman	Kadar Pembiayaan	Tempoh Pinjaman
Pinjaman berpenggal	3.89%-8.61%	6-17 tahun
Nota dan Bon	3.68% - 6.87%	10-30 tahun
Kemudahan pinjaman berasaskan Islam	4.79% - 7.38%	3 -15 tahun
Overdraf bank	8.31%-8.44%	1 tahun
Pinjaman-pinjaman lain yang berjangkamasapendek [Kredit pusingan (<i>revolving credits</i>) & <i>bankers' acceptances</i>]	2.70% - 7.45%	1 tahun

2. PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) adalah sebuah anak syarikat PETRONAS yang disenaraikan di Bursa Malaysia. PDB tidak melantik agen tunggal untuk memasarkan bahan-bahan petroleumnya. Dalam memasarkan produk petroleumnya di seluruh negara, PDB melantik wakil-wakil penjual seperti berikut:

- a. wakil-wakil penjual stesyen minyak;
- b. wakil-wakil penjual pukal bahan-bahan petroleum industri/komersial;
- c. wakil-wakil penjual Gas Petroleum Cecair (LPG); dan
- d. wakil-wakil penjual minyak pelincir.

3. Sehubungan itu, mana-mana syarikat atau individu yang memohon untuk menjadi wakil penjual bahan-bahan petroleum PETRONAS adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Tempoh masa perjanjian adalah bergantung kepada jenis wakil penjual yang dilantik. Pelantikan ini bergantung kepada prestasi wakil-wakil penjual tersebut di mana PETRONAS akan sentiasa memantau dan menilai prestasi wakil-wakil penjual dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAH
U
PERTANYAAN
DEWAN TUJAN TENG BOO SOON
RAKYAT, (TEBRAU)
MALAYSIA
LISAN**

DARIPADA
PERTANYAA
N TARIKH
SOALAN NO

24.06.2010
41

Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan peratus 'hutang negara' kepada GDP dari tahun 2004 hingga 2009 dan implikasinya kepada perancangan ekonomi negara. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan negara kita tidak menjejaki langkah ekonomi Greece yang perlu diselamatkan oleh negara asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hutang negara adalah hutang luar negara yang terdiri daripada hutang luar jangka sederhana dan panjang bagi Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta serta hutang jangka pendek sektor perbankan dan swasta. Peratusan hutang negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari tahun 2004 hingga 2009 kekal terurus dengan purata 34.6% dan pecahannya adalah seperti berikut:

Tahun	Peratus hutang negara kepada KDNK
2004	42.3
2005	37.8
2006	32.1
2007	29.2
2008	31.9
2009	34.3

2. Pada tahun 2009, jumlah hutang negara berkurangan kepada RM233.92 bilion daripada RM236.18 bilion pada tahun 2008 walaupun peratusannya meningkat sedikit. Pengurangan adalah disebabkan bayaran balik bersih hutang jangka sederhana dan panjang oleh Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta yang lebih mengimbangi ambilan bersih yang lebih besar oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Kekukuhan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS juga menyumbang kepada penurunan hutang luar negara secara keseluruhan. Nisbah khidmat hutang luar negara pada 31 Disember 2009 dianggarkan pada tahap 7.0% mencerminkan kekukuhan pendapatan eksport untuk membayar tanggungan hutang. Nisbah rizab antarabangsa kepada hutang luar jangka pendek lebih daripada mencukupi bagi menampung 4.2 kali hutang luar jangka pendek.

3. Kerajaan terus melaksanakan pengurusan hutang luar negeri yang berhemat dan pragmatik untuk memudahkan pelbagaian pinjaman luar negeri oleh sektor awam dan sektor swasta, meminimumkan risiko berkaitan obligasi luar negeri yang besar dan kemampuan khidmat bayaran hutang. Bagi sektor swasta, pinjaman luar negeri hanya dibuat jika perlu untuk membiayai aktiviti ekonomi yang produktif yang mampu menjana terimaan tukaran asing untuk membayar balik pinjaman. Langkah-langkah khusus yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan hutang luar negara adalah seperti berikut:

- (i) dasar semasa Kerajaan ialah mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi. Ini adalah kerana mudah tunai yang tinggi di pasaran domestik dan kos pinjaman yang lebih murah.
- (ii) bagi menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan di samping memelihara kedudukan imbangan pembayaran, pengurusan hutang luar negara disokong oleh sistem pengawasan dan pemantauan hutang yang menyeluruh. Ini bagi membolehkan pengesanan awal risiko dan kelemahan yang berpunca daripada pendedahan hutang luar negara keseluruhan;
- (iii) selaras dengan matlamat, konsolidasi kedudukan fiskal secara

berperingkat, Bajet 2010 memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk menambah baik keberkesanan dan kecekapan pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan. Kerajaan sedang mengkaji penstrukturan sistem subsidi bahan api yang merupakan sebahagian besar dalam perbelanjaan tahunan Kerajaan;

- (iv) bagi mempertahankan kedudukan fiskal yang berterusan tanpa menjejaskan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh, Kerajaan juga akan memperhebat program perkongsian sektor awam-swasta (*public-private partnership* program) untuk beberapa projek berimpak tinggi termasuk projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pengangkutan awam; dan
- (v) untuk memperkukuhkan aliran pendapatan, Kerajaan sedang berusaha memperkenalkan cukai barangan dan perkhidmatan (*goods and services tax, GST*). Melalui GST, asas pendapatan Kerajaan akan diperluas dan sekaligus lebih terlindung daripada ayunan kitaran harga minyak.

4. Kejayaan Malaysia mengekalkan hutang negara di paras yang terkawal dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar hutang, Malaysia tidak akan mengalami masalah seperti yang berlaku di Greece dan Iceland. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus dirancang, dipantau dan dikawal dengan baik dan bertanggungjawab. Paras defisit dijangka akan menurun dan paras hutang akan terus terkawal pada jangka masa sederhana dan panjang. Usaha-usaha ini akan membantu memastikan paras hutang dan defisit Kerajaan Persekutuan tidak akan meningkat sehingga menjejaskan kemampuan negara membayar balik hutang.

SOALAN N0.47 ffZ

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 24 JUN 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran lanjut tentang kawasan-kawasan Parlimen dan negeri di seluruh negara yang mana sebahagian sempadan pilihan raya diubah atau disempadankan semula selepas kerja-kerja persempadanan semula kawasan pilihan raya yang terakhir dibuat pada 2003. Apakah justifikasi perubahan ini dan kawasan-kawasan manakah yang terlibat.

JAWAPAN: YB. DATO* SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak pernah mengubah sebarang sempadan-sempadan bahagian pilihan raya setelah urusan persempadanan terakhir selesai iaitu pada 21 Mac 2003 bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah serta pada 10 Jun 2005 bagi Negeri Sarawak. Apa yang berlaku ialah pembetulan lokaliti yang tersalah letak, ianya dilakukan di dalam Urusan Beiah Bahagi Daerah Mengundi berdasarkan peruntukan subseksyen 7 (2) Akta Pilihan Raya 1958 dan subperaturan 25 (3), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Urusan pembetulan lokaliti ini tidak sama sekali melibatkan perubahan kepada mana-mana sempadan bahagian pilihan raya Parlimen atau Negeri.

SPR akan hanya boleh menjalankan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen atau Negeri bagi Negeri - Negeri Tanah Melayu dan Sabah selepas 21 Mac 2011 apabila genap / cukup lat tempoh 8 tahun selepas kajian terdahulu serta bagi Negeri Sarawak pula selepas 10 Jun 2013 berdasarkan kepada

peruntukan Perkara 113(2) (ii) Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:.4\$.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS _____ (2010) _____**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH 24 JUN 2010

SOALAN

DATUK JUSLIE BIN AJIROL minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah bentuk tindakan yang wajar terhadap kelompok tertentu yang menyalahgunakan masjid dan surau sebagai tempat berpolitik.

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa hal ehwal masjid dan surau adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang termaktub dalam Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Justeru, segala urusan yang

berkaitan dengan pentadbiran masjid dan surau merupakan

tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri sepenuhnya.

Di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan Negeri-Negeri, beberapa undang-undang dan kaedah-kaedah telah digubal untuk mengawal penyalahgunaan masjid dan surau sebagai tempat berpolitik. Antara peruntukan undang-undang dan kaedah-kaedah yang berkaitan adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] memperuntukkan seperti berikut:

*Mana-mana orang yang bertindak **dengan cara yang menghina** pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan **boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.***

- (ii) Seksyen 81(2) Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan bahawa Jawatankuasa kariah, bersama-sama dengan pegawai masjid, hendaklah, antaranya

”memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis tentang semua perkara yang berbangkit dalam kariah itu yang menghendaki perhatian Majlis ”

- (iii) Kaedah 26 Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama

Islam) 2006 memperuntukkan seperti berikut:

*"Tiap-tiap pengajar yang telah diberikan tauliah mengajar di bawah kaedah 25 hendaklah, dalam melaksanakan tugasnya, tertakluk kepada syarat-syarat", termasuk **tidak menyentuh isu politik;***

(iv) Kaedah 10(1) Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persekutuan 1987 memperuntukkan, antaranya :

„ merujuk kepada Jabatan untuk keputusan apa-apa masalah, soalan, pertelingkahan atau percanggahan yang ia tidak berupaya menyelesaikannya yang timbul berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam bidang kewajipannya atau berkenaan dengan menunaikan kewajipan itu.”

Oleh itu, sekiranya didapati masjid dan surau disalahgunakan untuk kepentingan politik, tindakan yang sewajarnya kepada pihak berkenaan boleh diambil berdasarkan peruntukan-peruntukan di dalam Akta/Enakmen dan Kaedah-Kaedah tersebut.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN LISAN : 44

DARIPADA REMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

[WANGSA MAJU]

TARIKH : 24 JUN 2010

SOALAN :

TUAN WEE CHOO KEONG minta PERDANA MENTERI

menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah atau akan diambil oleh SPRM ke atas laporan yang dibuat oleh YB. Kapar berhubung skandal perlombongan pasir yang melibatkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Wangsa Maju itu masih lagi dijalankan. Pihak SPRM perlu menjalankan siasatan secara teliti, terperinci dan menyeluruh dalam sesuatu penyiasatan kes rasuah bagi mendapatkan bukti-bukti dan keterangan yang mencukupi. Kertas Siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya setelah siasatan selesai. SPRM berharap Y.B. Wangsa Maju akan bersabar dan menunggu hasil siasatan yang dijalankan.

SPRM sebelum itu juga telah mengambil tindakan terhadap sindiket mencuri pasir secara haram melibatkan beberapa buah negeri termasuklah di Negeri Selangor. Setakat ini seramai 42 orang telah pun ditangkap dan 22 pertuduhan telah dibuat di Mahkamah.

Sekian. Terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN**

PERTANYAAN	KE DUA BELAS LISAN
DARIPADA	DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]
TARIKH	24 JUN 2010
SOALAN	45

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah jumlah pemohon dan jumlah peruntukan dana TechnoFund atau Community InnoFund yang telah diluluskan bagi projek-projek di negeri Sabah dan Sarawak dan apakah usaha atau langkah-langkah Kementerian untuk menggalakkan penglibatan lebih banyak usahawan dari Sabah dan Sarawak untuk menyertai program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 24 Mei 2010, Skim TechnoFund telah menerima sebanyak 38 permohonan dari Sabah dan Sarawak di mana 16 daripadanya adalah untuk dilaksanakan di Sabah, 19 permohonan adalah bagi negeri

Sarawak manakala 3 permohonan diterima bagi projek yang melibatkan kedua-dua negeri tersebut.

Daripada 38 permohonan tersebut, Kementerian telah meluluskan 7 projek bernilai RM25.0 juta untuk dilaksanakan di Sabah, 7 projek bernilai RM18.8juta di Sarawak dan 1 projek bernilai RM1.4juta untuk kedua-dua negeri, menjadikan jumlah pembiayaan keseluruhan di bawah Skim *TechnoFund* bagi Sabah dan Sarawak adalah RM45.2 juta.

Skim *Community InnoFund* pula merekodkan 97 permohonan dari Sabah dan Sarawak di mana 67 projek adalah dari Sabah dan 30 projek adalah dari Sarawak. Daripada bilangan tersebut, Kementerian telah meluluskan 64 projek di bawah Skim *Community InnoFund* di Sabah dengan kos RM16.26 juta dan 26 projek di Sarawak dengan kos RM6.59 juta, menjadikan jumlah keseluruhan iaitu RM 22.85 juta.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah mengambil pelbagai usaha untuk menggalakkan penglibatan lebih banyak usahawan Sabah dan Sarawak menyertai program *TechnoFund* dan *Community InnoFund*. Ini termasuklah mengadakan lebih banyak program kesedaran serta memperkenalkan program-program khas untuk kumpulan sasaran tertentu.

Program-program kesedaran yang telah dijalankan secara khusus di Sabah dan Sarawak, termasuklah Pameran MISTI-MOSTI di Kuching, (Julai dan Ogos 2009) dan Karnival Malaysia Inovatif 2010 peringkat negeri Sabah(28 -29 Mei 2010) dan Sarawak (Oktober 2010).

MOSTI juga melancarkan dua program khas untuk menarik lebih banyak peglibatan usahawan Sabah dan Sarawak dalam *TechnoFund* dan *Community InnoFund*. Program TAPMOSTI@COMMUNITY bertujuan untuk membantu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti dan taraf hidup masyarakat melalui aplikasi teknologi yang dibangunkan atau digunakan oleh MOSTI. Ini termasuklah projek industri perang di Kota Belud, penanaman Vanila di Kota Marudu, projek Minyak Kelapa Dara di Kudat , projek tukun tiruan di Kapit dan penanaman pokok Gaharu di Sarawak. Program 1NITA peringkat negeri Sabah dan Sarawak, khusus untuk usahawan wanita telah membantu meningkatkan keupayaan mereka menggunakan aplikasi ICT untuk memasarkan produk-produk buatan sendiri serta meluaskan *networking* dalam laman web.

Di samping usaha-usaha menggalakkan penglibatan usahawan untuk menyertai program ini, agensi-agensi Kementerian turut menawarkan program-program meningkatkan bina upaya usahawan-usahawan tersebut secara berterusan. Ini termasuklah program-program di bawah SIRIM Berhad seperti pensijilan halal, pengurusan pensijilan ISO pelabelan produk, Amalan Pengilangan Baik (GMP), Pensijilan Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP), Amalan Peningkatan Kualiti (APC) dan Pengujian Produk Makanan dan pelbagai lagi.

NO. AUM : 40

NO. AUP : <f&

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH 24 JUN 2010
RUJUKAN 2754

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat mana pelaksanaan sistem parol (*parole system*) dalam negara yang telah berjaya. Nyatakan bilangan banduan yang memperolehi manfaat daripada sistem pembebasan tersebut sejak perlaksanaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. daripada Bukit Gelugor yang telah mengemukakan pertanyaan.

Sistem Parol mula dilaksanakan pada 28 Julai 2008 dengan

matlamat agar dapat menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh Jabatan Penjara Malaysia terutamanya dari segi mengurangkan kesesakan di penjara serta membantu di dalam aspek pemulihan ke atas banduan.

Keberkesanan pelaksanaan Sistem Parol perlu diteliti dengan lebih lanjut di mana ianya melibatkan beberapa aspek penilaian sebagaimana berikut:

- Pematuhan syarat-syarat Perlepasan Secara Parol iaitu tiada berlakunya pelanggaran syarat;
- Banduan yang dibebaskan secara Perintah Parol akan mengikuti program pemulihan yang berterusan serta program '*intervention*' yang telah diatur oleh Jabatan Penjara Malaysia secara berjadual;
- Banduan yang dibebaskan secara Parol tidak kembali melakukan jenayah yang akan menyebabkan mereka dimasukkan semula ke penjara; dan
- Menggalakkan banduan yang berada di penjara mengikuti program pemulihan agar mendapat prestasi yang memberangsangkan bagi dipertimbangkan untuk pembebasan secara Perintah Parol.

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak tarikh tersebut sehingga 24 Mei 2010, seramai 1,299 orang

banduan telah dilepaskan secara Perintah Parol, di mana sebanyak 199 banduan telah diberi Pelepasan secara Parol pada tahun 2008, 722 banduan diluluskan Parol pada tahun 2009. Manakala 378 banduan telah diluluskan Parol pada tahun 2010 (sehingga 24 Mei 2010). Dari jumlah ini, seramai 1,243 merupakan banduan lelaki manakala selebihnya 56 orang banduan perempuan.

Daripada jumlah 1,299 banduan yang telah dilepaskan secara Perintah Parol, seramai 1,061 Orang Yang DiParol (ODP) telah menamatkan Perintah Parol dengan jayanya. Ini mencerminkan kejayaan Sistem Parol di Malaysia dan membuktikan elemen yang positif di dalam proses pemulihan kepada para banduan.

Dari jumlah ini, hanya seramai 34 ODP telah dibatalkan Perintah Parolnya atas pelbagai pelanggaran syarat oleh ODP berkenaan semasa menjalani Pelepasan Secara Parol, iaitu 4 ODP pada tahun 2008, 22 ODP pada tahun 2009 dan 8 ODP pada tahun 2010 (sehingga 24 Mei 2010). Secara relatifnya, jumlah Pembatalan Perintah Parol ini adalah kecil berbanding dengan jumlah ODP yang telah menjalani Perintah Parol dengan jayanya, iaitu sebanyak 3.2%. Secara tidak langsung, statistik ini menunjukkan bahawa proses pengintegrasian semula ODP ke pangkuan masyarakat adalah berjaya di mana ODP dapat memberi komitmen yang tinggi semasa menjalani Pelepasan Secara Parol tersebut. Selain itu, penerimaan dan kepercayaan masyarakat ke atas Sistem Parol adalah amat penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem ini di Malaysia.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN

 [TANJONG MALIM]

TARIKH : 24JUN 2010

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sejauh manakah usaha yang menyeluruh telah diambil dalam melaksanakan pelan tindakan mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim. Apakah tindakan awal yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan pengeluaran karbon ke tahap 40%.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyediakan Dasar Perubahan Iklim Negara. Dasar ini digubal bagi mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan dalam tindakan menangani isu perubahan iklim. Tumpuan dasar ini adalah kepada langkah-langkah mitigasi dan adaptasi, pembangunan teknologi dan keupayaan institusi.

Untuk menyelaraskan usaha-usaha Dasar Perubahan Iklim Negara, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau. Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri kita.

Di antara langkah mitigasi yang akan diambil adalah dengan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (Greenhouse Gases - GHG) sehingga 40% intensiti karbon menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005 sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa beliau menghadiri Persidangan Perubahan Iklim di Copenhagen. Ini adalah sebagai sumbangan negara di peringkat global dalam menangani isu perubahan iklim.

Sebagai strategi permulaan Kerajaan untuk mengurangkan 40% intensiti tersebut, Kerajaan telah menyediakan *Road Map* yang meliputi tiga program utama iaitu, Kecekapan Penggunaan Tenaga (*Energy Efficiency - EE*), Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy - RE*) dan Pengurusan Sisa Pepejal. Pelaksanaan ketiga-tiga program ini dijangka akan dapat mengurangkan 45 juta ton karbon dioksida (CO₂).

Bagi menangani perubahan iklim dalam jangka masa panjang, Kerajaan akan menyediakan satu *Road Map* yang komprehensif dan terperinci. Ini akan melibatkan sektor seperti pengangkutan, proses industri, pertanian dan perhutanan. Di samping tiga program utama tersebut, keluasan hutan negara juga akan terus dikekalkan pada tahap sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah keluasan tanah negara. Ini untuk menjamin penyerapan dan penyimpanan karbon dioksida secara berterusan.

Selain itu, pada 22 April 2010 yang lalu, Kementerian telah melancarkan 'Kempen Menanam 26 Juta Pokok' dengan terna' "Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok" secara serentak di seluruh Negara. Usaha pemeliharaan hutan dan penanaman pokok-pokok bagi menambah kawasan hijau akan membantu mengurangkan kepekatan GHG di atmosfera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah adaptasi yang diambil untuk menangani perubahan iklim adalah seperti berikut:

2

- i. Menjalankan kajian *Coastal Vulnerability Index (CVI)* yang boleh menjadi asas ketika mengambil langkah-langkah bagi menangani kesan kenaikan paras air laut kepada kawasan pesisiran pantai;
- ii. Menjalankan program mengukuhkan pesisiran pantai termasuk menanam pokok-pokok bakau sebagai usaha menangani kesan kenaikan paras air laut dan pukulan ombak;
- iii. Melaksanakan program kawalan banjir seperti Projek *Stormwater*

3

- Management and Road Tunnel (SMART); dan*
- iv. Membangunkan pengurusan zon pesisiran pantai *bersepadu*
(Integrated Coastal Zone Management).

Sekian, terima kasih.

NO.SOALAN:

48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN**

DARIPADA

**TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT
BENDERA]**

TARIKH

**LISAN
24 JUN 2010**

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI

menyatakan bilangan penerima Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengikut kategori pendapatan keuarga, kaum, dan jantina, pada tahun 2001 sampai 2010. Adakah JPA bercadang untuk membuat pengumuman kelayakan dan sebab-sebab pengambilan biasiswa JPA secara terbuka.

JAWAPAN

YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menawarkan 2 bentuk program penajaan kepada pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang iaitu Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Ijazah

Dalam Negara

(P1DN). Jumlah pelajar yang ditawarkan biasiswa JPA di luar dan dalam negara mengikut pecahan kaum sejak tahun 2001 adalah seperti berikut:

JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI LUAR NEGARA DARI TAHUN 2001 HINGGA 2010			
TAHUN	BILANGAN BUMIPUTERA	BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH KESELURUHAN
2001	609	152	761
2002	999	250	1,249
2003	1,314	329	1,643
2004	1,187	297	1,484
2005	1,040	260	1,300
2006	1,143	357	1,500
2007	1,170	630	1,800
2008	1,100	900	2,000
2009	1,176	924	2,100
2010	843	657	1,500
JUMLAH KESELURUHAN	10,581	4756	15,337

JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI DALAM NEGARA DARI TAHUN 2001 HINGGA 2010			
TAHUN	BILANGAN BUMIPUTERA	BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH KESELURUHAN
2001	8,723	969	9,692
2002	6,643	623	7,266
2003	4,340	407	4,747
2004	3,994	430	4,424
2005	4,693	593	5,286
2006	4,727	1,026	5,753
2007	6,682	893	7,575
2008	8,432	1,568	10,000
2009	7,821	2,179	10,000
2010*			

**JUMLAH
KESELURUHAN**

56,055

8,688

64,743

* Penawaran Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) bermula pada bulan Julai 2010.

JPA berpendapat adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak mendedahkan sebab-sebab dan kelayakan calon-calon yang berjaya ditawarkan biasiswa kepada pihak umum (secara terbuka) sama ada melalui laman web atau akhbar untuk memelihara kerahsiaan dan hak individu tersebut.

Sekian. Terima kasih.

No: 49

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
PERTANYAAN	(SIBUTI) LISAN
TARIKH	24.06.2010
SOALAN NO	49

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk menggalakkan bank-bank komersial dalam perbankan luar bandar dan adakah Kementerian menjalankan kajian bagi mewujudkan inisiatif kepada bank-bank komersial yang melibatkan diri dalam perbankan luar bandar dan memberi pinjaman mikro kepada pengusaha atau petani kecil luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meluaskan akses perkhidmatan perbankan kepada seluruh masyarakat, terutamanya penduduk di kawasan luar bandar. Bank Negara Malaysia sentiasa menggalakkan institusi kewangan, termasuk institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan, untuk membuka cawangan di kawasan luar bandar ataupun menawarkan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan perbankan penduduk di kawasan berkenaan. Permintaan untuk meluaskan akses perkhidmatan perbankan di kawasan luar bandar tertentu boleh diajukan kepada Bank Negara Malaysia yang akan memaklumkan kepada institusi-institusi

kewangan mengenai peluang untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan perbankan di kawasan-kawasan berkenaan.

2. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia untuk meluaskan penyertaan kewangan (*financial inclusion*) termasuk keperluan bagi bank-bank perdagangan asing untuk membuka satu daripada empat cawangan yang dibenarkan, di kawasan luar bandar. Bank Negara Malaysia juga telah membenarkan bank-bank perdagangan untuk mewujudkan perkongsian strategik dengan Pos Malaysia Berhad bagi menyediakan perkhidmatan perbankan menerusi rangkaian pejabat-pejabat pos yang terdapat di kawasan luar bandar.

3. Penyediaan akses kepada pembiayaan untuk perusahaan mikro adalah penting memandangkan sebanyak 80% perniagaan adalah terdiri daripada perusahaan mikro. Sehubungan dengan itu, pada bulan Ogos 2006, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang diterajui Y.A.B. Perdana Menteri telah meluluskan rangka kerja keinstitutionan pembiayaan mikro yang komprehensif yang dicadangkan oleh Bank Negara Malaysia, yang merangkumi institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan dan koperasi kredit untuk membangunkan industri pembiayaan mikro yang mampan seperti berikut:

- (i) BSN telah diberikan mandat untuk menyediakan pembiayaan mikro;
- (ii) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad menyediakan pembiayaan mikro kepada ahli koperasi;
- (iii) Agrobank menyediakan pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro dalam sektor pertanian dan asas tani; dan
- (iv) Enam institusi perbankan yang menyediakan akses kepada pembiayaan mikro mempunyai rangkaian cawangan yang meluas dan ini akan mempertingkatkan lagi jangkauan pembiayaan mikro ke seluruh negara.

4. Dalam menghasilkan rangka kerja ini, Bank Negara Malaysia telah menjalankan kajian dan telah merujuk kepada amalan negara lain yang mempunyai industri pembiayaan mikro yang mampan. Tiga inisiatif strategik telah dikenal pasti,

iaitu menentukan parameter produk pembiayaan mikro yang sesuai, meningkatkan kesedaran tentang pembiayaan mikro dan menarik penyertaan institusi kewangan dalam memberikan produk serta perkhidmatan pembiayaan mikro.

5. Pada akhir bulan April 2010, lebih daripada 60,000 perusahaan mikro dengan jumlah pembiayaan terkumpul sebanyak RM672.6 juta telah mendapat manfaat daripada skim Pembiayaan Mikro ini, dengan mencatat kadar pertumbuhan tahunan masing-masing sebanyak 20.4% dan 26.1 %.

NO. AUM : 55

NO. AUP :
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]

24 JUN 2010

TARIKH

2756

RUJUKAN

SOALAN:

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengambil tindakan kepada PERKASA atau GERTAK kerana sering membangkitkan isu-isu sensitif perkauman yang boleh mengugat keselamatan dan keamanan negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Kota Raja yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus bersikap tegas dan adil serta tidak akan teragak-agak mengambil sebarang tindakan di sisi undang-undang untuk membendung dan seterusnya membanteras sebarang bentuk kegiatan yang cuba dicetuskan oleh mana-mana pihak yang membangkitkan isu-isu sensitif perkauman dan mengundang ketegangan kaum di negara ini.

Tindakan ini termasuk kepada mereka yang tidak bertanggungjawab dalam penyebaran artikel-artikel berbaur perkauman dan hasutan sama ada melalui internet, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan mesej bergambar (MMS). Dalam hal ini tidak terkecuali PERKASA atau GERTAK adalah juga tertakluk kepada undang-undang negara. Di antara undang-undang yang boleh diguna pakai untuk menangkap, mendakwa dan menahan mereka yang terlibat ialah penggunaan ;

- i. Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960
- ii. Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969
- iii. Akta Hasutan 1948
- iv. Akta Pertubuhan 1966

NO. AUM : 51 NO.

AUP : Tf

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE

[SETIAWANGSA]

TARIKH 24 JUN 2010

RUJUKAN 2755

SOALAN:

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian agar pemilik-pemilik restoran yang berkonsepkan 'kopitiam' tidak menggunakan pekerja asing secara berlebihan sedangkan peluang pekerja tersebut boleh diisi oleh pekerja warga tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Setiawangsa di atas soalan yang dikemukakan.

Mengikut dasar pengambilan pekerja asing yang ada sekarang, restoran-restoran yang berkonsepkan 'kopitiam' TIDAK dibenarkan menggajikan pekerja asing. Pada ketika ini, bagi sektor perkhidmatan (*service sector*), penggajian warga asing dibenarkan dalam tiga (3) subsektor sahaja iaitu restoran (tukang masak sahaja), pencucian dan pembersihan dan pulau-pulau peranginan (*island resorts*).

Kerajaan juga telah menetapkan supaya warga negara asing TIDAK dibenarkan untuk bekerja sebagai '*front liners*' seperti juruwang (*cashiers*) atau pelayan-pelayan (*waiters*) yang akan mengambil tempahan dan menghantar makanan. 'Kopitiam' TIDAK dapat dikategorikan sebagai restoran / kedai makan yang layak untuk menggaji pekerja asing kerana perniagaan tersebut memerlukan frontliners dan kebanyakan makanan yang dihidang telah siap dimasak.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan ada menerima aduan terdapat kopitiam yang menggaji pekerja asing. Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah memantau premis-premis berkenaan yang menggaji pekerja asing dan telah memberi nasihat serta amaran secara lisan kepada pemilik 'kopitiam'. Tindakan penguatkuasaan akan diambil kepada pemilik

kopitiam yang terus menggunakan pekerja asing sebagai pekerja barisan hadapan di bawah Seksyen 55(B) Akta Imigresen 1959/63 - menggaji orang tidak memiliki pas yang sah dan ke atas pekerja asing di bawah Peraturan 39(b), Peraturan-peraturan Imigresen 1963 - melanggar syarat pas.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

[POKOKSENA]

TARIKH

24 JUN 2010

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah butiran perjanjian yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Syarikat *APCO World Wide Inc.* dan sejauh manakah perjanjian tersebut dapat melindungi maklumat strategik dan rahsia sulit negara daripada terbocor kepada negara asing.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Tuan Yang Di Pertua.

Syarikat *APCO World Wide Inc.* bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan berkaitan komunikasi secara menyeluruh bagi meningkatkan kapasiti kerajaan dalam bidang ini. Perjanjian tersebut memperuntukkan antara lain :

membantu kerajaan berkomunikasi dengan lebih efektif kepada rakyat;

memberi dan menjalankan latihan dalam amalan komunikasi terbaik dunia;

meningkatkan keupayaan kerajaan daripada berurusan dengan lebih efektif dengan media antarabangsa;

mengukuhkan koordinasi antara kementerian untuk menyelaraskan strategi komunikasi; memberi sokongan komunikasi “on-line”.

Di dalam menjalankan tanggungjawab ini, pihak APCO tidak diberi sebarang maklumat strategik dan rahsia sulit negara, oleh itu tidak timbul kebocoran rahsia kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB TUAN SIM TONG HIM
TARIKH	24 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah ia melanggar undang-undang bahawa terdapat kerajaan tempatan yang masih mengenakan denda lewat ke atas tunggakan cukai taksiran harta sedangkan Mahkamah Persekutuan Malaysia pada 18 Julai 2008 telah memutuskan kerajaan tempatan tidak berhak mengutip denda lewat atas tunggakan ini.

JAWAPAN

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Mahkamah Persekutuan dalam kes *Generation Products Sdn. Bhd. v. Majlis Perbandaran Klang* [2008] 5 CLJ pada 18 Julai 2008 telah memutuskan bahawa fi yang boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah subseksyen 147(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 ("Akta 171") ialah fi yang dikenakan berkaitan dengan cukai taksiran yang tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa fi sedemikian hanya boleh dikenakan sekali.

Berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut, PBT hanya boleh mengutip cukai taksiran dan fi yang boleh dikenakan sekiranya cukai taksiran tersebut dibayar di luar masa yang ditetapkan. PBT boleh mengutip fi yang boleh dikenakan itu sekali sahaja. PBT tidak boleh mengenakan apa-apa bayaran tambahan lain selain fi tersebut.

Oleh yang demikian, sekiranya PBT mengenakan apa-apa bayaran tambahan selain fi yang dinyatakan dalam subseksyen 147(1) Akta 171 yang boleh dikenakan sekali

sahaja jika cukai taksiran tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, maka **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT** tindakan PBT itu adalah tidak selaras dari segi undang-undang.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 24JUN2010

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah cadangan mengadakan gaji maksimum lebih dari RM10,000 tidak layak ke mahkamah industri dan kebaikan terhadap pekerja.

PR-1232-L37369

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pindaan ke atas sesuatu Akta merupakan suatu proses yang berterusan agar ia bersesuaian dengan keadaan semasa serta kekal relevan. Selepas pindaan ke atas Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (APP 1967) diluluskan pada penghujung tahun 2007, pihak Kementerian Sumber Manusia telah memulakan langkah untuk meminda beberapa akta termasuk APP 1967 dengan mendapatkan pandangan serta mengumpul input-input daripada rakan-rakan sosial (*social partners*) iaitu persatuan majikan dan persatuan pekerja seperti MTUC, MEF, FMM dan lain-lain lagi. Hasilnya, banyak input telah berjaya diperolehi termasuk cadangan untuk menghadkan kelayakan pekerja yang hendak memfailkan representasi pemulihan kerja di Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) kepada mereka yang bergaji tidak melebihi RM10,000 sebulan. Adalah ditegaskan bahawa kesemua cadangan yang diperolehi telah dikumpul dan dimaklumkan kepada rakan-rakan

sosial melalui beberapa mesyuarat yang telah diadakan bagi mendengar pandangan serta komen mereka dan proses ini masih lagi berterusan. Namun begitu, pihak

Kementerian Sumber Manusia masih lagi belum memuktamadkan mana-mana cadangan yang telah dikemukakan termasuklah cadangan menetapkan siling (*ceiling*) gaji sebanyak RM10,000 sebulan sebagai had kelayakan seseorang pekerja untuk memfailkan representasi pemulihan kerja di JPP.

**NO SOALAN : 55
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TAN SRI DATO' ABD. KHALID
BIN IBRAHIM [BANDAR
TUN RAZAK]

TARIKH 24 JUN 2010

SOALAN:

Tan Sri Dato¹ Abd. Khalid bin Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia melantik badan bebas untuk memantau perjalanan pilihan raya seperti di UK dan Amerika Syarikat selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak lagi menggunakan khidmat Mafrel pada Pilihan Raya Kecil Parlimen Hulu Selangor dan SibU. Jika ya, apakah signifikan SPR menubuhkan Badan Penguat kuasa.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk membenarkan pemantau antarabangsa memantau urusan perjalanan pilihan raya di negara ini memandangkan pada masa ini, SPR telah membenarkan ejen calon/ejen pilihan raya bagi seseorang calon yang bertanding untuk menyaksikan secara telus proses pilihan raya yang berlangsung seperti proses pengundian dan pengiraan undi.

Mengenai penubuhan Pasukan Penguat kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) oleh SPR. Ia adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 27B Akta Kesalahan Pilihan raya 1954 yang bertujuan untuk memastikan sesuatu pilihan raya berjalan dalam suasana aman dan selesa.

Ia berfungsi untuk memantau aktiviti kempen pilihan raya di bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri agar ia dilaksanakan

dalam keadaan yang tidak bertentangan dengan Undang-undang dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya yang ditetapkan.

PP-KPR ini dianggotai oleh Pegawai SPR (selaku Ketua), wakil Polis Di Raja Malaysia (PDRM), wakil Pihak Berkuasa Tempatan dan wakil parti-parti politik serta calon bebas yang bertanding. Di samping itu juga, PP-KPR turut bertanggungjawab menerima aduan baik daripada calon-calon yang bertanding dan juga orang ramai berhubung dengan sesuatu kesalahan kempen pilihan raya. Kebanyakan aduan tersebut adalah mengenai kesalahan menggantung bahan-bahan kempen di tempat yang tidak dibenarkan serta ceramah yang diadakan tanpa permit dan sebagainya.

Kewujudan pasukan ini telah dapat membantu mengurangkan pelbagai insiden dan suasana yang tidak sihat berlaku semasa tempoh berkempen.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **:** **PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**
[BATANG SADONG]

TARIKH **:** **24 JUN 2010**

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan Sama ada Kementerian mempunyai pelan menyeluruh mengenai sistem perparitan di Sarawak, khususnya di kawasan Parlimen Batang Sadong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan Pelan Induk Sistem Saliran di Bandar-bandar besar di Sarawak seperti di Kuching, Sibul dan Miri. Ini kerana pembangunan di bandar-bandar besar amat pesat dengan pertumbuhan kawasan perumahan, kawasan komersil dan sesetengah tempat mencapai hingga beratus-ratus projek setahun. Pelan induk di bandar-bandar kecil dan pekan di Sarawak tidak dilakukan kerana tidak kos efektif. Sekiranya terdapat masalah banjir dan sebagainya, pihak Kerajaan akan melakukan kajian khusus dan akan melaksanakan projek saliran di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), JPS Sarawak telah memohon projek pelan induk saliran Mesra Alam untuk bandar Limbang, Sri Aman, Kapit dan Betong (merangkumi Saratok, Spaoh & Debak).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JPS hanya bertanggungjawab ke atas sistem saliran utama (main drain) dan sistem saliran perumahan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	JAWAPAN LISAN
DARIPADA	DATO' ISMAIL BIN KASIM (ARAU)
TARIKH	24 JUN 2010
SOALAN	57

YANG BERTHORMAT DATO ISMAIL BIN KASIM (ARAU) Minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:

- (a) sebab Kerajaan tidak menaikkan kadar denda kesalahan jalan raya kerana kadar yang dikenakan kini tidak efektif di dalam menghalang pesalah lalu lintas; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar tindakan ini memberi kesan negatif kepada majoriti pengguna jalan raya yang hak dan kepentingan mereka harus didahulukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan telah membentangkan untuk Bacaan Pertama Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan Pindaan 2010 (RUU) pada sesi Parlimen bulan April lepas. Di bawah RUU tersebut, Kementerian ini telah mencadangkan supaya kadar denda kesalahan trafik dinaikkan kepada maksimum RM 50,000 bergantung kepada jenis kesalahan. Misalnya, bagi kesalahan di bawah seksyen 7 (Pendaftaran kenderaan motor), kadar denda sedia ada adalah maksimum RM2,000 dan dicadang untuk dinaikkan kepada minimum RM2,000 dan maksimum RM10,000. Di samping itu, sebagaimana Dewan sedia maklum, Kementerian juga turut mencadangkan kadar kompaun dinaikkan daripada RM 300 kepada RM 1000. Ini adalah kerana kadar yang

berkuatkuasa sekarang didapati tidak memberi kesan yang efektif terhadap pemandu untuk menghormati undang-undang lalu lintas.

Walau bagaimanapun, pembentangan untuk Bacaan Kedua tidak diteruskan kerana Kementerian Pengangkutan telah menerima maklum balas daripada orang ramai yang berpandangan bahawa kadar-kadar tersebut wajar dikekalkan disebabkan ia akan membebankan rakyat. Atas kepekaan dan keprihatinan Kerajaan ke atas maklum balas yang diterima itu, Kementerian sedang mengkaji semula cadangan pindaan-pindaan yang berkaitan supaya kepentingan dan keselamatan pemandu dan pengguna jalan raya dapat terpelihara.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, di samping langkah-langkah penguatkuasaan melalui pengenaan denda dan kompaun tersebut, terdapat tindakan-tindakan lain yang diambil oleh pihak penguatkuasa seperti penggantungan dan pembatalan lesen memandu di bawah Sistem KEJARA dan penyeneraian hitam kenderaan.

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI
 (KAPIT)

TARIKH 24 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta PERDANA MENTERI menyatakan fungsi-fungsi dan objektif Jawatankuasa Bumiputera Minoriti Sarawak dan Sabah yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri yang telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN

Fungsi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

- 1) Merancang, menyelaras, memantau dan menilai dasar serta strategi pelaksanaan pembangunan Bumiputera Sabah & Sarawak yang holistik;
- 2) Memastikan program/projek pembangunan Bumiputera Sabah & Sarawak dilaksanakan dengan berkesan;
- 3) Memastikan sistem penyampaian pembangunan Bumiputera Sabah & Sarawak yang lebih cepat, cekap dan berkesan; dan
- 4) Mengenalpasti dan menyelesaikan sebarang isu yang melibatkan dasar atau jentera kerajaan.

Jawatankuasa ini dijadualkan bermesyuarat sekali atau dua kali setahun dan mesyuarat pertama jawatankuasa telah diadakan pada 26 April 2010 yang lalu.

DARIPADA YB TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH 24 JUN 2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa tiada tindakan yang diambil terhadap Dato' Nasir Safar yang telah pun menyatakan bahawa orang Cina datang ke negara ini sebagai pelacur dan orang India sebagai pengemis dan kalau tiada kenapa tiada tindakan.

JAWAPAN YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Keseluruhan keterangan yang didapati daripada siasatan kes terhadap Dato' Nasir Safar telah diteliti dan dikaji. Berdasarkan keterangan tersebut, keputusan telah dibuat untuk tidak mengambil tindakan seterusnya terhadap Dato' Nasir Safar. Kes telah tidak diteruskan (NFA). Keputusan ini dibuat berdasarkan kesukaran untuk membuktikan bahawa ayat dan perkataan yang digunakan mempunyai kecenderungan untuk menghasut di bawah subseksyen 3(1) Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*]. Tambahan pula, suspek telah memohon maaf secara terbuka pada 4 Februari 2010, iaitu 2 hari selepas tarikh kejadian dan menyatakan bahawa beliau tidak berniat untuk memberi ucapan berunsur hasutan atau menghina kaum-kaum tertentu.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh suspek adalah merujuk kepada warga asing yang datang ke negara ini untuk mencari pekerjaan dan bukannya merujuk kepada kaum India dan Cina tempatan. Sehubungan itu, suspek juga telah meletakkan jawatan sebagai Pegawai Khas kepada Perdana Menteri pada hari yang sama.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN

<p>PERTANYAAN DARIPADA TARIKH SOALAN</p>	<p><u>PERTANYAAN DEWAN</u> <u>LISAN</u> <u>RAKYAT</u></p>	<p>DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK) 24 JUN 2010 (KHAMIS) DATO' RASHID BIN DIN minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:</p>
--	--	---

Apakah sistem pengedaran yang diguna pakai oleh BERNAS sehingga menyebabkan harga beras bersubsidi meningkat daripada RM13.80 untuk 10kg (harga ex-kilang) ke RM18 hingga RM19 yang dijual oleh peruncit.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sistem pengedaran beras bersubsidi atau Beras Nasional Super Tempatan 15 peratus (ST15%) yang diguna pakai ketika ini dalam industri beras negara bermula dengan harga RM1.350 per MT (ex-kilang). Kerajaan membayar subsidi sebanyak RM750 per MT kepada BERNAS dan kilang-kilang Skim Pusat Belian (SPB) oleh kerana harga padi yang agak tinggi ketika ini dan menyebabkan kos pengeluaran beras tempatan meningkat. Harga beras bersubsidi ini hanya untuk pemborong-pemborong beras yang mendapat kuota daripada Kerajaan bagi pengedaran Beras Nasional ST15% pada harga kawalan iatu di antara RM16.50 hingga RM18.00 per 10kg di peringkat pengguna mengikut zon-zon yang telah ditetapkan dalam Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

Manakala untuk harga RM13.80 per 10kg pula, ia adalah harga istimewa BERNAS kepada petani-petani di kawasan jelapang padi. Beras-beras ini juga mendapat subsidi daripada Kerajaan serta sebahagian kos ditanggung oleh BERNAS. Pada ketika ini hanya BERNAS sahaja yang menjual kepada petani dengan harga yang dinyatakan. Harga istimewa kepada petani ini adalah sebagai tanda terima kasih Kerajaan kepada petani-petani serta sebagai salah satu tanggungjawab sosial BERNAS bagi memastikan golongan petani sentiasa mendapat perhatian dan ganjaran sewajarnya.

